



RALAT

Ruj. Kami : KDN.KK.S.700-3/1/18 Jld.4

Tarikh : 15 Oktober 2019

Pengarah

Syarikat Agensi Persendirian Yang Berdaftar di bawah Akta Agensi Persendirian 1971

YABhg. Tun/Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/ Puan,

- i. MAJLIS PERJUMPAAN YB MENTERI DALAM NEGERI BERSAMA INDUSTRI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DAN AGENSI PERSENDIRIAN;**
- ii. TAKLIMAT PEMBAHARUAN LESEN AGENSI PERSENDIRIAN BAGI TAHUN 2020**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YABhg. Tun/Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan, **permohonan pembaharuan lesen Agensi Persendirian bagi tahun 2020 akan bermula pada 30 Oktober 2019.** Selaras dengan seksyen 3 (4) Akta Agensi Persendirian 1971, semua syarikat kawalan keselamatan dan Agensi Persendirian adalah diwajibkan untuk memperbaharui lesen Agensi Persendirian sebelum 31 Disember setiap tahun.

3. Dalam hubungan itu, Majlis Perjumpaan YB Menteri Dalam Negeri bersama Industri Perkhidmatan Kawalan Keselamatan dan Agensi Persendirian bersempena dengan Taklimat Pembaharuan Lesen Agensi Persendirian Bagi Tahun 2020 yang dijadualkan pada 24 Oktober 2019 telah **dipinda** pada ketetapan seperti berikut :

- Tarikh : 30 Oktober 2019 (Rabu)**
- Masa : 1.00 petang - 4.00 petang
(Pendaftaran: 11.00 pagi – 1.00 petang)**
- Tempat : Dewan Plenari,
Putrajaya International Convention Centre
(PICC)**
- Aturcara : Lampiran A**

4. Sehubungan dengan itu, empat (4) orang wakil syarikat yang terdiri daripada tiga (3) orang Ahli Lembaga Pengarah dan seorang kakitangan syarikat yang menguruskan proses pembaharuan lesen adalah DIWAJIBKAN hadir. Kegagalan syarikat untuk hadir akan dianggap sebagai tidak berminat dan tidak layak untuk dipertimbangkan pembaharuan lesen Agensi Persendirian bagi tahun 2020.

5. Kerjasama YABhg. Tun / Tan Sri/ Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah dipohon untuk mengesahkan kehadiran secara *online* di pautan yang tertera di laman utama portal ESIMS (<http://www.esims.moha.gov.my/>) **sebelum 28 Oktober 2019 (Isnin)**. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi nombor 03-8886 8321 / 8311.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MUHAMAD GHAZALI BIN MAMAT@MANSOR)

Bahagian Keselamatan
b.p: Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri

s.k:

YBhg. Tan Sri KSU

YBhg. Datuk TKSU (Keselamatan)

SUB K

SUSK kepada YB Menteri Dalam Negeri

SUSK kepada YB Timbalan Menteri Dalam Negeri

Salinan luar:

Presiden
Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia
Unit 715 & 716, Blok A, Tingkat 7,
Kelana Business Centre,
Jalan SS 7/2, Kelana Jaya,
47301, Petaling Jaya,
Selangor

No Faks : 03-78038691 / 78867246

**TENTATIF PROGRAM MAJLIS PERJUMPAAN YB MENTERI DALAM
NEGERI BERSAMA INDUSTRI PERKHIDMATAN KAWALAN
KESELAMATAN DAN AGENSI PERSENDIRIAN SEMPENA TAKLIMAT
PEMBAHARUAN LESEN AGENSI PERSENDIRIAN BAGI TAHUN 2020**

**30 Oktober 2019 (Rabu)
Dewan Plenari,
Aras 2, Pusat Persidangan Antarabangsa Putrajaya (PICC)
PUTRAJAYA**

- | | |
|----------------------------------|---|
| 11.00 pagi – 1.00 petang | - Sesi Pendaftaran
(Makan tengah hari tidak disediakan) |
| 1.15 petang – 2.50 petang | - Dialog dan Taklimat Pembaharuan Lesen
Agensi Persendirian oleh Bahagian
Keselamatan kepada Ahli Lembaga
Pengarah dan Kakitangan syarikat
kawalan keselamatan dan Agensi
Persendirian |
| ----- | |
| 2.30 petang | - Ketibaan dif-dif kehormat |
| 2.45 petang | - Ketibaan YBhg. Tan Sri Alwi Bin Hj. Ibrahim,
Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri |
| 2.50 petang | - Ketibaan YB Dato' Mohd Azis Bin Jamman,
Timbalan Menteri Dalam Negeri |
| 2.55 petang | - Ketibaan YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji
Mohd Yassin, Menteri Dalam Negeri |
| 3.00 petang | - Nyanyian Lagu Negaraku dan Lagu Industri
Perkhidmatan Kawalan Keselamatan |
| 3.05 petang | - Ucapan aluan daripada Presiden Persatuan Industri
Kawalan Keselamatan Malaysia (PIKM) |
| 3.20 petang | - Amanat YB Menteri Dalam Negeri |
| 4.30 petang | - Majlis Bersurai |